

Impak besar buat penduduk

Unisza bangukan pusat penyelidikan dan pengembangan komuniti di Tasik kenyrir

SMAR HARIAN
6/12/2015

■ NORHAFIZA MUSA

KUALA TERENGGANU - Kerajaan negeri bersetuju meluluskan permohonan tanah seluas 40 hektar di Zon Institusi di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu bagi membangunkan sebuah Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Komuniti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, pembangunan yang sedang berjalan itu pastinya akan memberi impak yang besar kepada kemajuan di Tasik Kenyir; kawasan pentadbiran Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) yang melibatkan 150,000 orang penduduk dan Terengganu secara keseluruhannya.

"Manfaat itu juga akan dinikmati oleh rakyat dan membantu Unisza sendiri dalam memastikan bahawa perannya untuk membantu masyarakat, komuniti sekaligus mampu merencanakan ekonomi masyarakat.

"Saya berbangga kerana tidak secara langsung ia akan memudahkan proses pembangunan di Ketengah dan paling utama pembangunan di kawasan Tasik Kenyir sendiri, kerana Terengganu menjadikan Tasik Kenyir sebagai hab pelancongan negeri serta sumber ekonomi



Ahmad Razif menerima cenderahati selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Ketengah dengan Unisza, di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.

yang baru, sekiranya berlaku pengurangan hasil petroleum keta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Ketengah dengan Unisza, di Wisma Darul Iman, di sini.

MoU yang ditandatangani merangkumi penyelidikan dan pem-

angunan (R&D), latihan industri, mobiliti dan sangkutan; pengajaran dan pembelajaran; pembangunan modal insan dan latihan; pembangunan agro pelancongan serta bidang lain yang dipersetujui bersama.

Ahmad Razif berkata, menerusi Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) Ketengah menerima peruntukan pem-

angunan berjumlah RM65.27 juta menerusi 21 projek dan 111 sub projek.

Tambah beliau, peruntukan itu merupakan satu peningkatan sebanyak 62.57 peratus berbanding RM40,750,000 pada 2015.

Menurutnya, peruntukan yang diluluskan itu melibatkan pembangunan kawasan pelancongan

dan perdagangan utama dalam wilayah Ketengah (RM22,500,000); pembangunan wilayah Ketengah sebagai pusat pendidikan, perniagaan dan perkhidmatan (RM17,250,000); pembangunan bandar warisan dan rekreasi (RM6,000,000); pembangunan per-tumbuhan baru (penempatan dan industri kecil dan sederhana (IKS)) (RM5,500,000); pengeluaran makanan dan industri hiliran (RM8,100,000); pembangunan perindustrian dan IKS (RM3,000) dan pembangunan kampung tradisional (RM5,000,000).

"Melalui kolaborasi ini kedua pihak yakin banyak lagi potensi dapat dimajukan berasaskan kepada sumber yang ada di Wilayah Ketengah serta kepakaran yang ada pada Unisza.

"Ini termasuklah pembangunan usahawan dalam pelbagai bidang, pembangunan hab unggas iaitu ayam dan puyuh, pembangunan pelancongan di Tasik Kenyir; pembangunan hab pendidikan di Bandar Al-Muktafi Billah Shah, pembangunan bandar warisan dan rekreasi di Bukit Besi, pembangunan perindustrian dan juga usahawan IKS, pembangunan perumahan termasuk untuk generasi kedua, pembangunan kampung tradisional dan pembangunan modal insan," katanya.